

BERITA

Institut Teknologi Singapura (SIT) kini menawarkan laluan alternatif yang membolehkan pelajar dewasa memperoleh kredit untuk memenuhi syarat ijazah berdasarkan kecekapan yang telah mereka perolehi melalui pengalaman kerja sebelumnya. SIT akan merintis laluan pembelajaran itu dalam dua sektor – keselamatan siber dan pengangkutan – yang akan bermula bulan depan. Antara rakan kerja dalam sektor itu yang telah setuju untuk bekerjasama dengan SIT bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja di sini ialah SBS Transit dan Ensign Infocomm. BERITA HARIAN menemu buah dua pelajar dewasa yang telah turut serta dalam program ini. Ikuti laporan berikut.

Enggan lepas peluang apabila ditawar belajar hingga dapat ijazah

► NUR SYURRAH HASSAN

nsyurrah@sph.com.sg

PENOLONG Kanan Jurutera SBS Transit, Encik Ahmad Syahir Abdul Rasid, tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan ijazah sarjana muda ketika ditawarkan oleh syarikatnya.

Tugasnya di syarikat itu adalah untuk mengawasi sistem hawa dingin dan udara di perkhidmatan Lahanan Timur Laut (NEL) antara stesen Punggol dengan Harbourfront.

“Apabila saya mendapat tahu tentang peluang pembelajaran ini, saya tidak mahu melepaskannya. Saya mahu ambil peluang baik itu.

“Ini juga adalah peluang keemasan untuk saya lakukan lebih baik dari segi akademik berbanding ketika di politeknik,” ujar bapa seorang cahaya mata berusia 50 tahun itu.

Encik Ahmad Syahir, 30 tahun, turut mengongsi bahawa ketika mengambil diploma Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik dulu, beliau tidak mendapat keputusan yang baik.

Selain itu, beliau berkata peluang pembelajaran ijazah sarjana itu digalakkan bapanya kerana bapanya teringin anak-anaknya belajar hingga peringkat universiti.

“Ketika memberitahu keluarga saya akan peluang ini, mereka, lebih-lebih lagi

“Dengan program ini, saya harap akan dapat meluaskan lagi ilmu dan pengetahuan dan memperbaiki kemahiran diri supaya dapat juga mengongsinya dengan rakan kerja lain. Usia itu hanya nombor dan bukan satu halangan untuk seseorang itu terus memburu ilmu dan tangga kejayaan.”

– Encik Ahmad Syahir Abdul Rasid.

bapa saya, sangat menyokong keputusan saya untuk kembali belajar.

“Dengan kelulusan ijazah ini, saya adalah orang pertama dalam keluarga untuk meraih ijazah sarjana,” cerita abang dua beradik itu.

“Isteri saya, suri rumah sepenuh masa, turut memahami bahawa dengan bersekolah kembali, saya akan bertambah siap kerana bekerja sepenuh masa sambil belajar.

“Bagaimanapun, beliau menyokong pilihan saya dan sentiasa mendorong dan memberikan kata-kata peranggang,” tambahnya.

Walaupun gharah untuk mula kembali ke sekolah, Encik Ahmad Syahir melahap antara cabaran yang beliau jangkakan.

“Sudah tentu saya harus menguruskan masa untuk memastikan masa bekerja, belajar dan keluarga seimbang.

“Antara lain, saya juga harus bersiap sejia secara mental untuk keluar dari zon keselamatan saya selama ini,” kata beliau.

Kursusnya itu akan mengambil masa sekitar empat tahun.

“Saya tidak mahu mensia-siakan usia ini. Jika saya tidak mula dari sekarang, bila lagi saya mahu mempertingkat kemahiran dan diri saya,” ujar beliau yang percaya akan pembelajarannya sepanjang hayat.

“Dengan program ini, saya harap akan dapat meluaskan lagi ilmu dan pengetahuan dan memperbaiki kemahiran diri supaya dapat juga mengongsinya dengan rakan kerja lain.

“Usia itu hanya nombor dan bukan satu halangan untuk seseorang itu termemburu ilmu dan tangga kejayaan,” kata Encik Ahmad Syahir.



PELUANG BAIK TIDAK AKAN DILEPASKAN: Encik Ahmad Syahir Abdul Rasid, penolong kanan jurutera di SBS Transit, tidak ingin melepaskan kesempatan meneruskan pembelajaran untuk ke peringkat universiti walaupun masih bekerja sepenuh masa. – Foto SBST

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings. Reproduced with permission.